

KERATAN AKHBAR

JUDUL : BERITA HARIAN

TARIKH : 25 SEPTEMBER 2024

SITASI :

M/S :

Shahrulnizam, A. (2024, September 25). Kitab tib perlu diarusperdanakan. *Berita Harian*. Retrieved September 25, 2024, from <https://www.bharian.com.my/amp/rencana/sastera/2024/09/1302837/kitab-tib-perlu-diarusperdanakan>.



Kitab tib perlu diarusperdanakan

Azhar Shahrulnizam

bhsastera@bh.com.my

September 25, 2024 @ 4:18pm



Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Haji Ahmad menandatangani plak perasmian sambil diperhati oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Salasiah Abdul Wahab (Kiri) dan Fauzilahyaton Mustafa, Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka (Kanan) ketika majlis pelancaran e-Bibliografi Beranotasi Manuskrip Melayu Kitab Tib: Khazanah Kebitaraan Warisan Bangsa di Balai Budaya Tun Syed Nasir. NSTP/AIMAN HARIZ AZHAR

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan berharap pendedahan terhadap Manuskrip Melayu, Kitab Tib ataupun kitab perubatan dapat diangkat ke arus perdana supaya perubatan tradisional dapat dijadikan alternatif kepada perubatan moden.

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, khazanah alam di negara ini kaya dengan bahan semula jadi yang sudah lama digunakan oleh masyarakat tempatan sejak ratusan tahun lalu untuk merawat pelbagai masalah kesihatan.

"Khazanah ini diharap tidak dilupakan, malah dimajukan supaya mampu berdiri seiring dan setanding dengan perubatan moden walaupun masih lagi bersifat sebagai alternatif," katanya kepada media selepas Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2024: Kitab Tib 1001 Rahsia Ilmu Perubatan Tradisional di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), kelmarin.

Hasnol Zam Zam, hadir mewakili Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Mengulas lanjut, beliau berharap persidangan dua hari itu dapat menjadi platform ilmu berprestij serta mampu meningkatkan pengetahuan dan apresiasi masyarakat terhadap manuskrip Melayu sebagai khazanah warisan intelektual negara yang tinggi nilainya.

"Kitab Tib adalah warisan budaya penting mencerminkan ilmu pengetahuan serta tradisi perubatan Melayu yang diwarisi sejak turun-temurun.

"Kebanyakan Kitab Tib yang ditemui hari ini berasal dari abad ke-19 dan ke-20. Penulisan ilmu Tib tidak wujud secara khusus, tetapi merangkumi pelbagai genre seperti sastera hikayat dan bidang ilmu ketatanegaraan, termasuk Sejarah Melayu dan Hukum Kanun Melaka," katanya.

Tambahnya lagi, Kitab Tib turut ditemui di beberapa negara lain seperti United Kingdom, Perancis, Thailand, Indonesia, Sri Lanka, dan beberapa negara Eropah.

Katanya, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengambil inisiatif menyediakan bibliografi Kitab Tib secara dalam talian, yang merangkumi 112 deskripsi Kitab Tib dari koleksi PNM serta maklumat lain yang boleh dijadikan sumber rujukan untuk kajian dan penyelidikan.

Untuk rekod, sehingga kini PNM memiliki sebanyak 5,252 naskhah koleksi manuskrip Melayu untuk dirujuk dan dikaji.

Penganjuran kali ketujuh PAMM yang diadakan selama dua hari itu menampilkan sembilan orang pembentang daripada Malaysia dan dua orang pembentang dari Indonesia dan dihadiri lebih 500 peserta.